

**UCAPAN YBHG. DATUK HJ. AB. HAMID MOHAMAD HANIPAH
PENGARAH EKSEKUTIF, NEXG BERHAD
MAJLIS IFTAR RAMADHAN NEXG 2025**

Bismillahirrahmanirrahim,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah NexG Berhad

Ketua Pengarang

Pihak pengurusan serta warga kerja NexG Berhad

Yang diraikan rakan-rakan media serta anak-anak dari Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah dan Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh Malaysia.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan salam Ramadhan Al-Mubarak.

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat berkumpul dalam suasana yang penuh keberkatan ini untuk bersama-sama berbuka puasa di Majlis Iftar Ramadhan NexG. Sesungguhnya, bulan Ramadhan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan, keampunan, dan limpahan rahmat Allah. Ia juga adalah bulan yang mengajar kita erti kesabaran, ketakwaan, serta kepentingan membantu mereka yang memerlukan. Bulan ini bukan hanya tentang menahan lapar dan dahaga, tetapi juga tentang menyemai sifat keikhlasan, ketaqwaan dan kasih sayang sesama insan.

Hadirin yang saya hormati,

2. Sebagai sebuah syarikat yang sentiasa prihatin terhadap masyarakat, NexG berpegang teguh kepada prinsip tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik. Pada petang ini, kami berbesar hati untuk menyantuni 50 anak-anak yatim dan asnaf dari Yayasan Anak-Anak Yatim Wardatul Jannah serta Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh Malaysia. Kehadiran anak-anak semua sangat bermakna buat kami, kerana inilah masa untuk kita berkongsi rezeki dan kasih sayang sebagai satu keluarga besar.

3. Sebagai sebuah organisasi yang berpandangan jauh, kami percaya bahawa kejayaan yang kita kecapai bukan hanya diukur daripada pencapaian syarikat semata-mata, tetapi juga daripada sejauh mana kita dapat memberikan manfaat kepada masyarakat. Inilah semangat yang kami terapkan dalam setiap inisiatif CSR yang kami laksanakan. NexG tidak hanya berperanan dalam pembangunan teknologi dan inovasi, tetapi juga dalam membentuk masyarakat yang lebih prihatin dan bertanggungjawab. Kami ingin memastikan bahawa masyarakat di sekitar kita turut merasakan kehadiran dan sumbangan NexG, bukan hanya dalam aspek perniagaan tetapi juga dalam usaha kemanusiaan.

4. Ramadhan juga mengajar kita tentang nilai bersyukur dan bagaimana kita dapat membantu mereka yang kurang bernasib baik. Kita semua diuji dalam pelbagai bentuk, dan bagi anak-anak yang hadir pada hari ini, saya ingin kalian tahu bahawa setiap ujian yang diberikan adalah tanda kasih sayang Allah SWT kepada hamba-Nya. Jangan pernah rasa keseorangan kerana masih ramai insan yang prihatin dan menyayangi kalian. Kalian adalah masa depan negara, dan kami di NexG ingin melihat kalian terus membesar dengan penuh semangat, keyakinan, dan impian yang tinggi. Percayalah bahawa setiap cabaran yang kalian hadapi hari ini adalah satu ujian yang akan menjadikan kalian lebih kuat di masa hadapan. Jangan pernah berputus asa dalam mengejar impian dan sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan. Kami mendoakan agar kalian menjadi insan yang berjaya dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat suatu hari nanti.

Para tetamu yang saya hormati,

5. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis ini. Terima kasih kepada pihak yayasan

dan pertubuhan kebajikan yang sentiasa komited dalam menjaga kebajikan anak-anak ini, para sukarelawan yang tidak mengenal penat lelah, serta warga kerja NexG yang sentiasa menyokong program CSR seperti ini. Kehadiran anda semua membuktikan bahawa semangat kesukarelawananan dan nilai kemanusiaan masih utuh dalam masyarakat kita.

6. Semoga usaha murni ini menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus melakukan kebaikan. Dengan ini, marilah kita bersama-sama berdoa agar kita semua diberikan kesihatan, kekuatan, dan keberkatan untuk meneruskan ibadah di bulan Ramadhan yang mulia ini.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.